بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه

Kenapa Terlalu Mudah Membid`ahkan Amalan Seseorang??

Pendahuluan

Islam adalah agama yang sangat sempurna dari sudut aqidah dan syariat. Dari sudut aqidah, tidak berlaku sama sekali perbezaan aqidah antara seorang rasul yang diutus dengan rasul yang lain. Kesemua rasul-rasul membawa aqidah yang satu iaitu mentauhidkan Allah Taala daripada segala sifat yang mendokong unsur-unsur syirik.

Namun dari sudut syariat yang merupakan hukum-hukum feqh yang memandu setiap perbuatan para mukallaf, berlaku perbezaan antara setiap para nabi dengan nabi yang lain. Sebagai contoh golongan Bani Israel sebelum kedatangan Rasulullah diharamkan daripada memakan unta namun Rasulullah datang dengan syariat yang baru dengan membenarkan manusia yang beriman kepada Allah untuk memakan daging unta.

Oleh itu, syariat yang dibawa oleh Rasulullah dicipta khusus oleh Allah bagi menjadi satu perundangan hidup yang akan bersesuaian dengan semua keadaan dan masa bermula dengan pengutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai penutup kepada semua nabi-nabi dan rasul terdahulu sehinggalah menjelangnya kiamat.

Jawapan Kepada Soalan

Masyarakat muslim pada hari ini sering disibukkan dengan persoalan yang berhubung kait dengan permasalahan *Sunnah* dan *Bid`ah* yang banyak mengelirukan pemikiran masyarakat sehingga

berlakunya tindakan sebahagian masyarakat yang membid`ahkan sebahagian amalan masyarakat Melayu di Malaysia khususnya atas alasan bahawa perbuatan dan amalan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

Sememangnya tidak dinafikan di dalam masyarakat Melayu terdapat banyak tradisi dan amalan yang diwarisi sejak zaman berzaman yang tidak dilakukan oleh Rasulullah pada zaman baginda secara seratus peratus. Contohnya amalan membaca Yasin pada malam Jumaat, mengadakan tahlil dan kenduri arwah, mengadakan rumah terbuka sempena hari raya dan menyambut kelahiran Rasulullah. Namun, adakah amalan-amalan ini akan menjadi haram dan bid`ah hanya semata-mata Rasulullah tidak melakukannya?

Mana-mana individu yang terus mengharamkan amalan-amalan ini semata-mata dengan hujah ”*tidak dilaksanakan oleh Rasulullah*”, tindakan tersebut adalah silap kerana setiap perbuatan tersebut perlu diteliti secara ilmiah adakah di sana sebarang dalil yang mengharamkan perlaksanaan perbuatan tersebut secara langsung atau tidak.

Sebagai contoh, apakah sebenarnya sambutan ”Maulidurrasul”? Bagaimana cara perlaksanaan majlis tersebut? Adakah majlis itu diselang-seli dengan acara-acara yang diharamkan oleh Allah?

Seandainya maksud perayaan menyambut ”Hari Kelahiran Rasulullah” itu adalah satu majlis yang diadakan untuk mengingati Rasulullah yang diisi dengan ceramah agama, bacaan syair-syair Arab seperti berzanji dan Burdah Imam Al-Busoiri yang memuji peribadi Rasulullah, memberi hadiah kepada faqir miskin dan sebagainya, maka majlis ini adalah dibenarkan oleh Islam sekalipun Rasulullah sendiri tidak menyambut hari kelahirannya secara jelas.[1]

Kita bukan ingin mencipta amalan baru di dalam Islam. Kita hanya ingin membuat satu langkah untuk mengaturkan satu program yang diselitkan dengan amalan-amalan yang dibenarkan oleh Islam.

---

[1] Walaubagaimanapun Rasulullah pernah menyatakan bahawa baginda berpuasa pada hari Isnin dan pada hari Isninlah baginda dilahirkan. Ini membawa erti bahawa Rasulullah sendiri meraikan hari kelahirannya setiap minggu secara tidak langsung.

Islam meminta penganutnya agar cintakan Rasulullah dan membahagiakan masyarakat yang kurang bekemampuan. Lalu masyarakat Islam di Malaysia dan negara-negara lain mengadakan sambutan Maulid Al-Rasul dengan mengadakan ceramah, memuji Rasulullah dan memberikan hadiah untuk masyarakat faqir miskin yang kesemuanya adalah untuk merealisasikan makna ”cintakan Rasul” dan ”membantu orang miskin”.

Kesimpulan awal yang boleh diutarakan kepada sidang pembaca ialah: mengadakan satu bentuk pendekatan baru yang menyokong asas-asas Islam adalah dibenarkan dan bukanlah perkara yang haram dan diada-adakan di dalam Islam (bid`ah).

Tugas untuk memastikan program yang dilaksanakan dan amalan yang dijalankan bertepatan atau tidak dengan Islam adalah tugas para fuqaha.

Orang yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu Islam sama sekali tidak berhak untuk menghukum sesuatu perkara dengan label ”haram” dan ”bid`ah” hanya semata-mata kerana alasan Rasulullah tidak membuat acara dan tindakan tersebut bahkan banyak kes yang menunjukkan bahawa orang yang mengatakan Rasulullah tidak melakukan perkara begini dan begini, orang tersebut sebenarnya tidak menjumpai hadith-hadith yang menunjukkan bahawa sebenarnya Rasulullah sendiri pernah melakukan perkara tersebut.

Oleh kerana pemahaman yang baik berkaitan dengan *Sunnah* dan *Bid`ah* ini adalah satu perkara yang sangat penting, Saya akan membincangkan secara panjang lebar perkara-perkara yang berkaitan dengan soalan yang telah ditujukan kepada Saya dengan membahagikan perbincangan ini kepada beberapa tajuk kecil yang berkaitan rapat dengan soalan yang diutarakan.

Pembahagian Manusia Kepada Dua Golongan: *Muqallid* Dan *Mujtahid*

Di dalam ilmu Usul Feqh, manusia itu terbahagi kepada dua golongan;

1. golongan yang mempunyai keilmuan Islam yang begitu hebat dan memenuhi syarat-syarat yang tertentu sehingga mereka layak untuk mengeluarkan hukum-hakam feqh.

   Mereka ini digelar sebagai golongan *mujtahid*. Syarat-syarat yang melayakkan mereka untuk sampai ke satu peringkat sehingga mampu mengeluarkan pandangan berdasarkan dalil-dalil syarak *(ijtihad)* tidak akan dibincangkan di ruangan ini kerana perbahasannya terlalu panjang yang akan didapati di dalam kitab-kitab Usul Fiqh.

2. golongan yang tidak mempunyai tahap keilmuan yang begitu hebat dan tidak memenuhi syarat-syarat seorang mujtahid. Atas dasar mereka tidak memenuhi syarat-syarat seorang mujtahid, golongan ini tidak layak untuk mengeluarkan pandangan di dalam hukum-hakam feqh.

   Golongan ini digelar sebagai golongan *muqallid.*

Kesimpulan yang boleh dibuat adalah: atas dasar ketinggian ilmu dan akal yang dimiliki oleh si mujtahid, maka Islam memberikan hak kepadanya untuk menggunakan segala kemahiran ilmu dan pemikiran yang ada untuk mencari hukum-hukum feqh berpandukan dalil-dalil yang diterima oleh syarak.

Golongan muqallid pula boleh dibahagikan kepada dua golongan.

Golongan yang pertama ialah golongan ilmuan Islam yang mempelajari selok-belok agama Islam namun tidak memiliki tahap ilmu yang begitu tinggi yang sepatutnya dimiliki oleh seorang yang bergelar mujtahid.

Golongan kedua pula ialah golongan Muslim yang tidak mempelajari selok belok agama Islam dengan baik namun berkemungkinan mereka adalah pakar di dalam bidang-bidang yang lain seperti bidang perubatan, sains dan teknologi, pemikiran dan sebagainya.

Tugas Seorang Mujtahid Dan Tugas Seorang Muqallid

Tugas mujtahid

Seorang mujtahid, tugasnya adalah mencari hukum-hukum Allah yang pada hakikatnya telahpun wujud tetapi sebahagiannya tidak dinyatakan oleh Allah dan Rasul secara jelas. Oleh itu golongan mujtahid akan mencari hukum-hukum feqh tersebut berdasarkan kajian mereka terhadap dalil-dalil yang diterima oleh syarak.

Jelasnya tugas seorang mujtahid adalah mencari hukum yang telah ada. Mereka bukan orang yang mencipta hukum. Mereka hanya sebagai pencari hukum. Prof. Doktor Salim Abu `Asi, salah seorang tokoh pengajar di Masjid Al-Azhar Al-Syarif telah membawa satu contoh yang mudah berkaitan dengan tugas mujtahid.

Beliau mengumpamakan golongan mujtahid dengan seorang yang mencari barang yang hilang. Orang yang mencari barang yang hilang akan mencari dan menyelongkar setiap sudut yang ada di dalam rumahnya demi semata-mata ingin mencari barang tersebut yang mungkin terselinap di bawah lipatan kain atau sebagainya.

Apabila dia menemui barang tersebut, dia hanyalah orang yang menjumpai barang yang hilang tersebut. Dia bukanlah orang yang mencipta barang tersebut.

Begitu juga dengan golongan mujtahid. Mereka hanyalah sekadar pencari hukum-hukum yang telah sedia ada berdasarkan kepakaran ilmu yang mereka miliki yang membantu mereka dalam memahami nas-nas Al-Quran dan Hadith.

Selalunya para mujtahid akan berbeza pandangan di dalam memahami dalil-dalil syarak sehingga menyebabkan perbezaan pandangan mereka di dalam hukum-hakam feqh. Ini hanyalah kerana mereka berbeza pandangan di dalam memahami satu-satu dalil yang kadang-kadang kesemua daripada mereka berhujah dengan dalil yang sama namun mereka berbeza pandangan di dalam memahami dalil tersebut.

Sebagai contoh di dalam masalah hukum apabila seseorang menyembelih seekor binatang betina yang halal dimakan lalu dia mendapati di dalam rahim binatang tersebut ada janin yang telah

mati sebaik sahaja induknya mati disembelih. Apakah hukum memakan janin tersebut?

Para ulama berbeza pandangan dalam menentukan hukum memakan janin binatang ini.

Di dalam mazhab Al-Imam Abu Hanifah, hukum memakan janin tersebut adalah haram kerana dia mati dengan tidak disembelih. Di dalam mazhab Al-Imam Al-Syafi`e pula, seseorang itu boleh memakan daging janin yang mati tersebut kerana ibunya telahpun mati dalam keadaan telah disembelih.

Hujah kedua-dua pihak adalah satu hadith nabi yang sama tetapi setiap pihak berbeza pandangan di dalam memahami makna hadith tersebut[1]

Walaupun kedua-dua pandangan ini berbeza tetapi kedua-duanya diterima oleh Allah Taala berdasarkan satu hadith Rasulullah:

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : ((إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ فَأَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ فَأَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ)) رواه ابن ماجه

yang bermaksud:

---

[1] Hadith yang dimaksudkan ialah sepotong hadith nabi yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Tarmizi yang berbunyi:

((ذَكَاةُ الْجَنِينِ ذَكَاةُ أُمِّهِ))

yang bermaksud: *Sembelihan janin adalah sembelihan si ibu*

Perbezaan berlaku apabila Mazhab Al-Syafi`e membaca hadith ini dengan menjadikan baris ta marbutoh (ذكاة أمه) dengan baris depan sedangkan Imam Abu Hanifah membaca hadith ini dengan menjadikan baris ta marbutoh dengan barus atas. Apabila baris berubah, ia membawa kepada perubahan makna yang membawa kepada perubahan hukum.

Cara pembacaan yang dibaca oleh Al-Imam Al-Syafi`e akan membawa makna:

"Sembelihan si janin akan terhasil apabila si ibu disembelih" sedangkan cara pembacaan Al-Imam Abu Hanifah akan menyebabkan makna yang terhasil ialah: *"Sembelihan si janin adalah sebagaimana sembelihan si ibu"*.

Oleh itu Al-Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa sebagaimana si ibu perlu untuk disembelih maka si janin juga mesti disembelih. Seandainya tidak, janin tersebut tidak boleh dimakan.

Daripada `Amr bin Al-`As sesungguhnya beliau mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

"Apabila si hakim (mujtahid) mengeluarkan pandangannya di dalam mencari hukum-hakam fiqh berdasarkan ijtihad lantas pandangannya bertepatan dengan hukum yang betul di sisi Allah, maka dia dia akan diberikan dua pahala. Namun apabila dia berijtihad lalu pandangannya tidak bertepatan dengan pandangan yang betul di sisi Allah maka dia akan diberikan satu pahala".

Tugas muqallid

Adapun tugas seorang muqallid, tugasnya hanyalah semata-mata mengikut hukum-hakam yang telah dinyatakan oleh golongan mujtahid. Ini kerana golongan muqallid sekalipun di kalangan mereka ada yang mempelajari selok belok Islam, namun tugas untuk memutuskan sebarang hukum di dalam apa sahaja masalah sekalipun bukanlah tugas mereka. Tugas mencari gali hukum daripada dalil-dalil fiqh adalah tugas golongan mujtahid sahaja.

Sebab utama mengapa golongan muqallid diharamkan oleh Islam untuk mengeluarkan pandangan yang berkaitan dengan hukum-hakam Islam adalah: hukum-hakam Islam merupakan ciptaan Allah Taala sahaja. Allahlah yang menggubal segala peraturan di dunia ini. Manusia tidak ada hak untuk memutuskan sebarang peraturan. Oleh kerana itu penentuan hukum sama ada halal atau haram hanyalah hak mutlak Allah Taala.

Selepas kewafatan Rasulullah yang ditugaskan oleh Allah untuk menerangkan kepada manusia hukum-hukum Allah, tugas untuk menafsirkan kalam Allah dan kalam Rasul hanya diserahkan kepada para ulama Islam yang sampai ke tahap ijtihad. Golongan mujtahid diawasi dengan satu disiplin ilmu Islam yang bernama ilmu Usul Fiqh. Ilmu ini adalah undang-undang yang perlu diikuti oleh golongan mujtahid di dalam tugasan mereka mencari hukum-hukum Islam.

Seandainya semua orang yang membaca nas Al-Quran dan hadith Rasulullah diberikan hak untuk menafsirkan apa sahaja yang mereka fahami daripada nas tersebut, maka syariat Allah ini akan menjadi porak-peranda kerana bukan semua manusia mempunyai kepakaran di dalam menafsirkan kehendak Allah Taala yang

diabadikan di dalam Al-Quran, hadith Rasulullah dan dalil-dalil fiqh yang lain. Ini kerana ijtihad adalah berkait rapat dengan penguasaan seseorang itu di dalam ilmu bahasa Arab memandangkan Al-Quran dan hadith Rasulullah adalah di dalam bahasa Arab, penguasaan di dalam ilmu Usul Fiqh dan kecerdikan yang dianugerahkan oleh Allah kepada seseorang.

Atas sebab inilah, seseorang muqallid hanya diminta oleh Islam untuk mengikut apa sahaja hukum-hukum fiqh yang dinyatakan oleh para mujtahid yang telahpun menghabiskan segala usaha dan daya mereka di dalam memahami kehendak Allah Taala.

Seandainya seseorang individu Muslim itu menyedari hakikat yang dinyatakan sebentar tadi, sudah pasti tidak akan timbul soalan: *“Mana satukah yang menjadi pegangan? Kalam Nabi atau kalam ulama?”* kerana kalam nabi tidak boleh ditafsirkan sewenang-wenangnya semata-mata berdasarkan pandangan individu tanpa mengira adakah dia seorang mujtahid atau seorang muqallid.

Golongan yang hanya dibenarkan oleh Allah untuk mengeluarkan hukum-hakam yang dicedok daripada dalil-dalil syarak hanyalah golongan mujtahid dalam keadaan bahawa bukan semua ulama adalah golongan mujtahid. Lebih-lebih lagi seseorang mujtahid tidak dibenarkan berijtihad seandainya dalil yang wujud adalah dalil yang terlalu jelas (*qat`ie*) dari sudut sanad (*Qat`iyyat Al-Tsubut*) dan kefahaman nas (*Qat`iyyat Al-Dilalah*).

Konsep Berlapang Dada Di Dalam Masalah Khilaf *(Hukum-Hukum Yang Berlaku Perbezaan Pandangan Di Kalangan Para Mujtahid)*

Di dalam Islam, hukum-hukum feqh terbahagi kepada dua keadaan.

1) Hukum-hukum yang disepakati oleh semua ulama.
2) Hukum-hukum yang berlaku perselisihan di kalangan para ulama.

Apabila seluruh para ulama telah bersetuju terhadap hukum sesuatu masalah, persetujuan mereka ini menurut istilah ilmu Usul Fiqh dinamakan sebagai Ijma’. Apabila ijma’ berlaku, seluruh umat

Islam wajib untuk mengikut pandangan tersebut tanpa berbelah bagi. Bahkan ulama yang muncul selepas berlakunya sesuatu hukum yang telah disepakati (iaitu selepas berlakunya ijma'), mereka dilarang untuk mengeluarkan pandangan baru yang bercanggah dengan ijma' tersebut.

Sebagai contoh, seluruh para ulama Islam bersetuju bahawa solat fardu subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak adalah wajib. Apabila telah berlaku ijma', tidak boleh bagi mana-mana mujtahid untuk mengeluarkan pandangan baru bahawa sebenarnya solat lima waktu tersebut adalah tidak wajib walaupun beliau mendatangkan hujah-hujah daripada Al-Quran dan hadith Rasulullah sendiri. Ini kerana Rasulullah telah menjamin bahawa seluruh para ulama tidak akan bersetuju terhadap satu perkara yang bercanggah dengan syara'.[1]

Walaubagaimanapun, para ulama selalunya berselisih pandangan dalam menetukan kebanyakan hukum-hakam fiqh. Apabila sesuatu hukum itu berlaku perselisihan pandangan di kalangan para mujtahid, golongan muqallid boleh mengikut mana-mana pandangan ulama tersebut. Setiap seorang di kalangan masyarakat Islam perlu berlapang dada dalam berhadapan dengan masalah yang berlaku perselisihan pandangan para ulama.

Ini kerana perkara *khilafiah* (perkara yang berlaku perselisihan pandangan para mujtahid di dalam menentukan hukum) adalah rahmat Allah yang dianugerahkan kepada umat Islam. Setiap seorang berhak untuk memilih mana-mana pandangan tanpa perlu untuk memaksa orang lain mengikut pandangan yang dipegangnya.

Contohnya dalam masalah pembatalan wuduk apabila bersentuhan kulit antara lelaki dan wanita yang bukan mahram.

Menurut pandangan Al-Imam Al-Syafie, apabila kulit seseorang lelaki bersentuhan dengan kulit seseorang wanita yang bukan

[1] Antara hadith yang menunjukkan bahawa para ulama tidak akan bersekongkol dalam melakukan kemungkaran adalah satu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang berbunyi:

إِنَّ أُمَّتِي لَا تَجْتَمِعُ عَلَى ضَلَالَةٍ

yang bermaksud: *Sesungguhnya umatku tidak akan bersepakat atas satu kesesatan.*

mahram si lelaki, wuduk lelaki tersebut adalah batal sama ada dia terangsang syahwatnya atau tidak.

Mazhab Al-Imam Malik pula berpandangan bahawa wuduk lelaki tersebut hanya akan batal seandainya dia teransang syahwatnya. Namun seandainya tidak, wuduknya tidak batal.

Mazhab Abu Hanifah pula mengatakan bahawa wuduk lelaki itu tidak akan terbatal semata-mata atas sebab sentuhan melainkan apabila dia melakukan hubungan jenis dengan wanita tersebut. Apabila hubungan jenis berlaku, wuduk mereka akan terbatal menurut pandangan Al-Imam Abu Hanifah.

Oleh itu, tidak wajar bagi mana-mana individu yang berpegang dengan pandangan Al-Imam Al-Syafi`e memaksa orang lain untuk berpandangan dengan pandangan yang dipegangnya. Sepatutnya dia perlu berlapang dada dan boleh menerima seandainya orang lain berpegang dengan pandangan yang berbeza dengan pandangan yang dipegang olehnya.

Ibnu Raslan di dalam matan Zubadnya menyebut:

وَالشَّافِعِيْ وَمَالِكٌ وَالنُّعْمَانْ   وَأَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ وَسُفْيَانْ
وَغَيْرُهُمْ مِنْ سَائِرِ الْأَئِمَّهْ   عَلَى هُدًى وَّالِاخْتِلَافُ رَحْمَهْ

yang bermaksud:

- *Dan Al-Syafi`e, Malik dan Nu'man (Abu Hanifah),*
- *Begitu juga dengan Ahmad bin Hanbal dan Sufyan,*
- *Begitu juga dengan seluruh para mujtahid yang lain,*
- *Kesemuanya di atas petunjuk dan perbezaan pandangan itu adalah rahmat.*

Konsep berlapang dada ini sangat penting untuk difahami oleh masyarakat. Para ilmuan Islam perlu mengingatkan kepada masyarakat bahawa: masalah-maslah fiqh yang berlaku perbezaan pandangan para mujtahid di dalam menentukan hukum sebenarnya adalah rahmat kepada umat dan bukan sebagai sebab untuk bergaduh dan bersengketa. Perkara khilaf tidak perlu dijadikan isu yang dibesar-besarkan sehingga mengakibatkan

perbalahan dan pergaduhan yang hanya berpunca daripada perselisihan para mujtahid dalam menentukan hukum.

Kesilapan Mujtahid Dalam Mengeluarkan Hukum Hanya Akan Diketahui Secara Sebenarnya Di Akhirat Nanti

Para ulama Usul Fiqh telah membincangkan satu persoalan iaitu; apabila berlaku perbezaan para ulama dalam sesuatu hukum, adakah kebenaran itu bersifat banyak ataupun kebenaran itu hanyalah satu sahaja di sisi Allah?

Kebanyakan para ulama Usul Fiqh berpandangan bahawa kebenaran di sisi Allah hanyalah satu sahaja.

Contohnya dalam masalah batal atau tidak wuduk seseorang yang kulitnya bersentuhan dengan kulit wanita yang bukan mahramnya, pandangan yang betul di sisi Allah hanyalah satu sahaja daripada tiga pandangan yang telah dinyatakan sebentar tadi.

Kadang-kadang berlaku salah faham di kalangan masyarakat dalam mencari pandangan yang betul tersebut. Segelintir individu berpandangan bahawa apabila sesuatu dalil sama ada daripada Al-Quran atau hadith Rasulullah secara zahirnya menyokong satu-satu pandangan **atau** zahir nas Al-Quran atau hadith bercanggah dengan satu-satu pandangan, maka seseorang muslim itu wajib untuk memakai pandangan yang bertepatan secara zahirnya dengan Al-Quran dan hadith Rasulullah dan wajib bagi setiap umat Islam untuk menolak mana-mana pandangan yang seakan-akan bercanggah dengan dalil.

Untuk menjelaskan perkara ini, pembaca perlu untuk meneliti adakah pandangan fiqh itu merupakan satu-satunya pandangan yang dipegang oleh seluruh ulama Islam tanpa berkecuali (berlaku ijma’) ataupun para mujtahid berbeza pandangan dalam menentukan hukum.

Seandainya hukum fiqh tersebut adalah pandangan seluruh para ulama, maka pandangan yang bercanggah dengan pandangan itu wajib ditolak sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

Namun seandainya para ulama telahpun berbeza pandangan dalam menentukan hukum, maka sekalipun zahir nas Al-Quran atau hadith Rasulullah bercanggah dengan salah satu pandangan, kita tidak boleh untuk menghalang mana-mana individu untuk memegang pandangan tersebut. Ini kerana kebenaran yang satu di dalam hukum-hukum yang berbeza dari sudut pandangan mujtahid hanyalah akan diketahui di akhirat nanti.

Oleh yang demikian, apabila berlaku pandangan hukum yang pelbagai yang diutarakan oleh para fuqaha, sekalipun pandangan fuqaha yang kita pegang itu adalah salah di sisi Allah, kita tetap tidak berdosa kerana:

1) Allah tidak meminta golongan muqallid untuk mencari pandangan yang betul di sisi Allah. Allah hanya meminta mereka untuk mengikut pandangan para mujtahid. Apabila mereka telah mengikut salah satu pandangan para fuqaha yang berlaku perbezaan pandangan, muqallid telahpun melaksanakan perintah Allah iaitu; memegang pandangan para mujtahid.

2) Golongan fuqaha diminta oleh Allah untuk mencari kebenaran di dalam hukum feqh berdasarkan apa yang dilihat dan diteliti oleh akal pemikiran mereka berdasarkan ijtihad masing-masing. Allah tidak meminta golongan fuqaha untuk memastikan bahawa pandangan yang dipegang oleh mereka adalah mesti pandangan yang “betul” di sisi Allah. Seandainya mereka diminta untuk memastikan bahawa pandangan mereka adalah betul-betul pandangan yang “betul” di sisi Allah, ia akan menyebabkan mereka tidak akan mampu untuk menunaikan perintah tersebut kerana Allah dan Rasul tidak menyediakan dalam kebanyakan masalah-masalah fiqh dalil-dalil yang begitu jelas yang akan menyatukan seluruh pandangan para fuqaha dari sudut hukum.

Satu konsep ilmu telah dinyatakan di dalam satu kitab Usul Fiqh yang berjudul al-Bahru al-Muhit (الْبَحْرُ الْمُحِيْط):

وَالصَّحِيحُ مِنْ مَذَاهِبِ أَصْحَابِنَا هُوَ الْأَوَّلُ : أَنَّ الْحَقَّ فِي وَاحِدٍ ، وَمَا سِوَاهُ بَاطِلٌ ، وَأَنَّ الْإِثْمَ مَرْفُوعٌ عَنْ الْمُخْطِئِ

yang bermaksud:

Dan pandangan yang betul di kalangan pandangan para ulama kami (ulama dalam mazhab Al-Imam Al-Syafi`e) adalah pandangan yang pertama iaitu pandangan yang mengatakan bahawa:

> *Pandangan yang betul di dalam percanggahan para mujtahid dari segi hukum hanyalah satu sahaja dan pandangan-pandangan yang selain daripada pandangan yang satu ini adalah salah.*

Namun, dosa kerana salah dalam mencari kebenaran tersebut adalah dianggkat daripada mujtahid yang tersalah dalam ijtihadnya (mujtahid yang tersalah dalam mencari kebenaran tersebut diampunkan oleh Allah).[1]

Apabila kebanyakan dalil-dalil syara' adalah bersifat umum, samar dan tidak terlampau jelas *(Zonniyyat al-Dilalah)*, ini menunjukkan bahawa Allah Ta`ala sengaja untuk menjadikan dalil-dalil tersebut bersifat sedemikian semata-mata untuk mewujudkan perbezaan pandangan para ulama di dalam memahami dalil-dalil tersebut yang akan menatijahkan perbezaan pandangan mereka dari sudut hukum-hakam fiqh sekalipun pandangan yang benar di sisi Allah hanyalah satu sahaja dari pandangan-pandangan yang pelbagai tersebut.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, perbezaan pandangan para ulama di dalam perbahasan fiqh adalah rahmat kepada umat Islam kerana mereka boleh beramal dengan mana-mana pandangan yang bersesuaian dengan suasana dan keadaan hidup masing-masing.

Al-Imam Al-Zarkasyi turut menyebut di dalam kitab karangannya di atas:

وَقَالَ ابْنُ الصَّبَّاغِ فِي " الْعُدَّة " : كَانَ أَبُو إِسْحَاقَ الْمَرْوَزِيِّ وَأَبُو عَلِيٍّ الطَّبَرِيُّ يَقُولَان : إِنَّ مَذْهَبَ الشَّافِعِيِّ وَأَصْحَابِهِ أَنَّ الْحَقَّ فِي وَاحِدٍ ، إِلَّا أَنَّ الْمُجْتَهِدَ لَا يَعْلَمُ أَنَّهُ مُصِيبٌ ، وَإِنَّمَا يَظُنُّ ذَلِكَ

[1] Sila layari laman web: http://feqh.al-islam.com/Display.asp?Mode=0&MaksamID=1106&DocID=44&ParagraphID=1731&Diacratic=0

yang bermaksud:

Ibnu Al-Sobbagh berkata di dalam kitab "Al-`Uddah":

"Abu Ishaq Al-Marwazi dan Abu `Ali Al-Tobari menyatakan:

"Sesungguhnya Mazhab Al-Imam Al-Syafi`e dan mazhab para pengikutnya adalah: Kebenaran hanya berada di dalam satu pandangan sahaja. Cuma seseorang mujtahid itu tidak tahu secara yakin bahawa pandangannya adalah merupakan pandangan yang betul tersebut. Dia hanya menyangka semata-mata bahawa pandangannya adalah pandangan yang betul.[1]

Contoh-Contoh Amalan Yang Dianggap Haram Dan Bid`Ah Yang Bercanggah Dengan Nas Sedangkan Pada Hakikatnya Ia Adalah Sekadar Masalah Feqh Yang Berlaku Perbezaan Pandangan Di Kalangan Ulama Dalam Memahami Nas.

Saya hanya akan memilih dua contoh amalan yang dikatakan salah dan tidak dibuat oleh Rasulullah sedangkan para ulama fiqh silam telah membahaskan hukum amalan tersebut secara panjang lebar di dalam kitab-kitab mereka.

1. <u>Ketika bertakbir nabi tidak mengangkat tangannya hingga ke paras telinga, cuma ke paras bahu.</u>

   Di dalam masalah ini, para ulama Islam telah berbeza pandangan disebabkan mereka berbeza pendapat dalam meleraikan beberapa hadith Rasulullah yang seakan-akan bercanggah antara satu sama lain.[2]

   a) Pandangan yang kuat di dalam mazhab Al-Imam Al-Syafi`e ialah mengangkat tangan dengan menjadikan kedua tapak tangan separas bahu, kedua ibu jari tangan separas dua cuping telinga dan hujung jari separas hujung telinga

---

[1] http://feqh.al-islam.com/Display.asp?Mode=0&MaksamID=1106&DocID=44&ParagraphID=1731&Diacratic=0

[2] Sila rujuk kitab Al-Majmuk, karangan Al-Imam Al-Nawawi 3/251-253 cetakan Dar Al-Fikr cetakan tahun 2000.

bahagian atas. Al-Imam Malik turut berpandangan dengan pandangan Imam Al-Syafi`e.

b) Al-Imam Abu Hanifah berpandangan; kedua tapak tangan adalah separas telinga.

c) Imam Ahmad berpandangan; seseorang itu boleh memilih sama ada mengikut pandangan Al-Imam Al-Syafi`e atau pandangan Al-Imam Abu Hanifah.

Perbezaan ini hanya kerana beberapa hadith yang pada zahirnya bercanggah namun sebenarnya ia tidak bercanggah. Antara hadith tersebut ialah:

- عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ إِذَا افْتَتَحَ الصَّلَاةَ . رواه الإمام البخاري .

yang bermaksud:

Daripada Salim bin Abdillah daripada ayahnya bahawa sesungguhnya Rasulullah mengangkat kedua tangannya separas bahu apabila baginda ingin memulakan salat. Riwayat Al-Imam Al-Bukhari

- عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا كَبَّرَ رَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا أُذُنَيْهِ رواه الإمام مسلم

yang bermaksud:

Daripada Malik bin Al-Huwairith sesungguhnya Rasulullah apabila melakukan Takbiratul Ihram, baginda akan mengangkat tangannya sehingga setentang dengan kedua telinga baginda. Riwayat Al-Imam Muslim.

Kedua-dua hadith sahih ini seakan-akan bercanggah antara satu sama lain. Namun fuqaha dalam Mazhab Al-Syafi`e mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan ”mengangkat kedua tangan hingga ke paras bahu” ialah menjadikan kedua tapak tangan setentang dengan bahu manakala maksud

”mengangkat tangan hingga ke paras telinga” ialah menjadikan hujung jari-jari tangan adalah setentang dengan telinga.

Bukankah ini satu perbahasan yang terlalu dalam untuk diperbincangkan?

Bagaimana ada sesetengah individu yang terus mengatakan bahawa ketika bertakbir, nabi tidak mengangkat tangannya hingga ke paras telinga hanya semata-mata kerana zahir hadith yang pertama sedangkan hadith yang kedua turut merupakan hadith sahih? Adakah kita hanya ingin berpegang dengan hadith yang pertama dan menolak terus hadith yang kedua?

Seandainya setiap individu Muslim mula meragui kehebatan para fuqaha terdahulu di dalam mencarigali hukum daripada Al-Quran dan hadith Rasulullah dengan mula mengatakan bahawa pandangan fuqaha tertentu bercanggah dengan hadith kononnya, ini bemakna kita terpaksa membuka kembali semua hadith-hadith yang dipegang oleh para fuqaha yang kononnya pandangan mereka bercanggah dengan sunnah Rasulullah.

Kalau itu yang diinginkan, ini bermakna kita terpaksa menghabiskan masa untuk menyelesaikan perbahasan ilmu yang telah lama selesai dan kita meninggalkan kewajipan kita sebagai seorang muslim dalam memahkotakan kembali Islam sebagai kuasa tertinggi negara yang sampai sekarang masih belum selesai.

2. <u>Nabi tidak menyebut ayat ”Bismillah” secara zahir sewaktu membaca surah Al-Fatihah di dalam solat.</u>

Menurut pandangan seluruh fuqaha Mazhab Al-Syafi`e, ”Bismillah” adalah salah satu ayat surah Al-Fatihah bahkan sesiapa yang tidak membaca Bismillah ketika membaca surah Al-Fatihah di dalam solat, maka solatnya adalah tidak sah. Ini berdasarkan hadith sahih yang diiwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah yang berbunyi:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ فَعَدَّهَا آيَةً

yang bemaksud:

daripada Ummi Salamah sesungguhnya Nabi s.a.w membaca "Bismillahirrahmanirrahim" dan baginda menjadikan Bismillah itu ayat (daripada surah Al-Fatihah)

Dari sudut dakwaan bahawa Rasulullah tidak menyebut "Bismillah" secara zahir dalam solat-solat *jahriyyah* (solat Maghrib, Isyak dan Subuh), ia hanyalah salah satu pandangan para fuqaha Islam. Ini kerana ada hadith-hadith yang sahih yang menggambarkan seakan-akan Rasulullah tidak menzahirkan "Bismillah" di dalam solat.

Walau bagaimanapun, ada juga hadith-hadith sohih yang lain yang menjelaskan bahawa Rasulullah menzahirkan "Bismillah".

Seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini, hadith-hadith yang seakan-akan bercanggah pada zahirnya adalah tidak bercanggah sama sekali. Tugas para fuqaha adalah mencari jalan untuk menautkan kembali hadith-hadith yang seakan-akan bercanggah ini berdasarkan ijtihad mereka yang kebiasaannya akan menyebabkan berlakulah perbezaan pandangan dalam menetapkan hukum feqh.

Saya akan membawakan beberapa contoh hadith-hadith tersebut sebagai satu bukti kepada sidang pembaca bahawa kita sebenarnya terlalu kerdil jika ingin dibandingkan dengan para ulama silam yang mewakafkan diri mereka hanya untuk Islam dan ilmu-ilmu Islam.

a) Contoh-contoh hadith yang menyatakan bahawa Rasulullah **tidak menzahirkan** bacaan "Bismillah" di dalam solat:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ :

" صَلَّيْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ فَلَمْ أَسْمَعْ أَحَدًا مِنْهُمْ يَقْرَأُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ " . رواه الإمام مسلم

yang bermaksud:

Daripada Anas beliau berkata: "Aku bersolat bersama Rasulullah s.a.w, Abu Bakar, Omar dan Othman namun aku tidak pernah mendengar seorangpun di kalangan mereka yang membaca Bismillahirrahmanirrahim". Hadith riwayat Al-Imam Muslim.

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ :
كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْتَتِحُ الصَّلَاةَ بِالتَّكْبِيرِ وَالْقِرَاءَةَ بِـ : الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . رواه الترمذي

yang bermaksud:

Daripada `Aisyah beliau berkata: "Rasulullah s.a.w membuka solat baginda dengan takbir dan baginda membuka bacaan dengan membaca:

(الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ)

Hadith ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Tarmizi

b) Contoh-contoh hadith yang menyatakan bahawa Rasulullah **menzahirkan** bacaan "Bismillah" di dalam solat:

- **عَنْ قَتَادَةَ قَالَ سُئِلَ أَنَسٌ :**
كَيْفَ كَانَتْ قِرَاءَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ كَانَتْ مَدًّا ثُمَّ قَرَأَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ يَمُدُّ بِبِسْمِ اللَّهِ وَيَمُدُّ بِالرَّحْمَنِ وَيَمُدُّ بِالرَّحِيمِ . رواه الإمام البخاري

yang bermaksud:

Daripada Qatadah, beliau berkata: "Saidina Anas ditanya:

bagaimana bacaan Rasulullah s.a.w.?

Lantas Saidina Anas berkata: Bacaan Rasulullah adalah secara mad (mana-mana huruf yang perlu dibaca panjang maka Nabi akan membaca dengan panjang) kemudian Saidina Anas pun membaca Bismillahirrahmanirrahim, beliau memanjangkan Bismillah (lafaz lah dalam kalimah

Bismillah dibaca secara dua harakat), beliau memanjangkan Arrahman dan memanjang Arrahim.

Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

- عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي هِلَالٍ عَنْ نُعَيْمٍ الْمُجْمِرِ قَالَ

صَلَّيْتُ وَرَاءَ أَبِي هُرَيْرَةَ فَقَرَأَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ثُمَّ قَرَأَ بِأُمِّ الْقُرْآنِ حَتَّى إِذَا بَلَغَ : غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ فَقَالَ آمِينَ فَقَالَ النَّاسُ آمِينَ وَيَقُولُ كُلَّمَا سَجَدَ اللَّهُ أَكْبَرُ وَإِذَا قَامَ مِنْ الْجُلُوسِ فِي الِاثْنَتَيْنِ قَالَ اللَّهُ أَكْبَرُ وَإِذَا سَلَّمَ قَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنِّي لَأَشْبَهُكُمْ صَلَاةً بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رواه النّساءي

yang bermaksud:

Daripada Sa`id bin Abi Hilal daripada Nu`aim Al-Mujmir beliau berkata: "Aku bersembahyang di belakang Saidina Abu Hurairah (Saidina Abu Hurairah menjadi Imam) lalu beliau membaca Bismillahirrahmanirrahim kemudian beliau membaca Umm Al-Quran (surah Al-Fatihah) sehingga sampai pada bacaan: **(غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ)**

lalu beliau berkata: "Amin" lantas orang lain (makmum) turut berkata "Amin". Setiap kali Saidina Abu Hurairah sujud, beliau akan berkata "Allahu Akbar" dan setiap kali beliau bangkit daripada duduk dalam rakaat kedua, beliau berkata "Allahu Akbar". Apabila beliau telah memberi salam, beliau berkata "Demi tuhan yang diriku di dalam genggamannya, sesungguhnya aku adalah orang yang paling sama bentuk solatnya dengan solat Rasulullah berbanding dengan kamu.

Hadith ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Nasa ie.

Al-Imam Al-Nawawi menukilkan di dalam kitabnya, Al-Majmu' ucapan yang dinyatakan oleh Ibnu Khuzaimah yang berbunyi:

قَالَ ابْنُ خُزَيْمَةَ فِي مُصَنَّفِه : فَأَمَّا الْجَهْرُ بِبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ فِي الصَّلَاةِ فَقَدْ صَحَّ وَثَبَتَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِإِسْنَادٍ ثَابِتٍ مُتَّصِلٍ لَا شَكَّ وَلَا ارْتِيَابَ عِنْدَ أَهْلِ الْمَعْرِفَةِ بِالْأَخْبَارِ فِي صِحَّةِ سَنَدِهِ وَاتِّصَالِهِ

Yang bermaksud:

Kata Ibnu Khuzaimah di dalam karangannya:

"Adapun menzahirkan (membaca secara kuat) Bismillahirrahmanirrahim di dalam solat, maka sesungguhnya hadith-hadith yang menyatakan perkara tersebut telah sahih dan sabit daripada Nabi dengan sanad yang bersambung (muttasil) dan tidak diragui lagi di kalangan ahli ilmuan bahawa hadith-hadith yang menyokong penzahirkan Bismillah adalah hadith-hadith yang sanadnya adalah sahih dan bersambung.

- عَنِ ابْنِ خَدِيْجٍ عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِيْ مُلَيْكَة عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا قَالَتْ :

كَانَ رَسُوْلُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْطَعُ قِرَاءَتَهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ، مَالِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ رواه الحاكم

Daripada Ibnu Khudaij daripada Abdullah bin Abu Mulaikah daripada Ummu Salamah Radhiallhu`anha beliau berkata:

"Rasulullah s.a.w memotong bacaan baginda (membaca secara satu-satu dan bukan menyambung kesemua bacaannya sekaligus) dengan membaca

(بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ، مَالِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ) "

Hadith ini diriwayatkan oleh Al-Hakim.

- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا قَال: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْهَرُ بِبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ رواه الْحَاكِمُ

  yang bermaksud:

  Daripada Ibnu `Abbas radhiallahu`anhuma beliau berkata: "Nabi s.a.w membaca secara kuat Bismillahirrahmanirrahim".

Oleh kerana seakan-akan ada percanggahan antara hadith-hadith yang sahih ini, berlakulah perbezaan pandangan para ulama di dalam menyatukan hadith-hadith ini.

Dalam Mazhab Al-Imam Al-Syafi`e, fuqaha mazhab ini berpandangan bahawa sunat dizahirkan Bismillah semasa membaca Al-Fatihah di dalam solat kerana Rasulullah sendiri yang membacanya secara terang.

Mereka cuba menyatukan hadith-hadith yang menunjukkan bahawa Rasul tidak menzahirkan Bismillah di dalam solat dengan hadith-hadith yang menyatakan bahawa Bismillah dibaca secara kuat dan jelas dengan beberapa jawapan.

Antaranya:

1) Maksud hadith Saidatina `Aisyah bahawa Rasulullah membuka bacaannya di dalam solat dengan (الْحَمْدُ لِلَّه رَبِّ الْعَالَمِينَ) ialah:

   Rasulullah membuka bacaan Al-Quran di dalam solat dengan membaca surah: (الْحَمْدُ لِلَّه رَبِّ الْعَالَمِينَ) iaitu surah Al-Fatihah. Ini tidak menafikan bahawa Rasulullah turut membaca Bismillah di dalam solat kerana Bismillah sebagaimana yang dipegang oleh fuqaha mazhab Al-Imam Al-Syafi`e adalah salah satu ayat di dalam surah Al-Fatihah.

2) Hadith Saidina Anas yang menunjukkan bahawa beliau tidak pernah mendengar Rasulullah, Saidina Abu Bakar, Umar dan Othman membaca Bismillah semasa membaca Al-Fatihah di dalam solat adalah bercanggah dengan hadith-hadith sahih

yang menunjukkan bahawa Rasulullah pernah membaca Bismillah secara jelas dan bukan secara bersuara perlahan. Bahkan Saidina Anas sendiri pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah membaca Bismillah di dalam solat.

Antara jawapan yang diberikan oleh sebahagian para mujtahid ialah:

hadith yang menunjukkan Rasulullah tidak membaca Bismillah di dalam solat; ingin menjelaskan bahawa hukum membaca Bismillah secara kuat semasa membaca surah Al-Fatihah tidaklah wajib namun yang paling baik adalah dengan membaca secara kuat berdasarkan hadith-hadith yang menunjukkan Rasulullah pernah membaca Bismillah secara kuat.

Ini dikuatkan lagi dengan hujah: Bismillah adalah sebahagian daripada ayat surah Al-Fatihah. Oleh itu sebagaimana ayat-ayat surah Al-Fatihah yang lain dibaca secara lantang dan didengari ketika solat Maghrib, Isyak dan Subuh, maka begitu juga keadaannya bacaan Bismillah yang merupakan salah satu ayat surah itu.

Penutup

Setelah pembaca sekalian meneliti perbincangan yang berkaitan dengan isu Bid`ah ini, Saya ingin membuat beberapa kesimpulan yang perlu difahami secara baik oleh masyarakat muslim:

1) Apabila sesuatu perbuatan tidak dibuat oleh Rasulullah semasa hayat baginda, ia tidak menunjukkan bahawa: pebuatan tersebut seandainya dibuat oleh generasi selepas zaman Rasulullah, ia adalah bid`ah dan haram. Sepatutnya perkara tersebut pelu diteliti oleh ulama Islam adakah ia mengandungi unsur-unsur yang diharamkan oleh Islam atau tidak. Seandainya ada unsur-unsur yang diharamkan maka pebuatan baru itu adalah haram. Seandainya tidak, maka hukumnya adalah dibolehkan bahkan berkemungkinan perbuatan tersebut akan menjadi wajib dan sunat bedasarkan ijtihad para fuqaha.

2) Apabila para ulama berbeza pandangan dari sudut hukum feqh, maka ia adalah satu rahmat kepada umat Islam dan bukan sebagai alat untuk bergaduh dan berpecah-belah. Tidak salah

bagi mana-mana individu untuk bepegang dengan mana-mana pandangan para ulama namun untuk memaksa semua insan lain mengikut pandangannya dengan cara meninggalkan semua pandangan yang tidak selari dengan pandangannya adalah **SATU BID`AH** yang diharamkan.

Contohnya amalan bertalqin di kubur, bertahlil dan sebagainya adalah masalah-masalah feqh yang telahpun diperbincangkan oleh ulama silam semenjak dahulu lagi. Sesiapa yang tidak ingin melakukannya maka silakan. Itu adalah hak peribadinya. Akan tetapi dia tidak boleh untuk menghalang orang lain daripada melakukannya kerana masalah-masalah ini adalah masalah-masalah fiqh yang berlaku di dalamnya perbezaan pandangan golongan mujtahid.

3. Apabila seseorang itu ingin mempelajari hukum-hakam, dia perlu merujuk kitab-kitab feqh dan bukan kitab hadith Rasulullah s.a.w.. Ini kerana para ulama feqh telahpun mengkaji nas Al-Quran, hadith Rasulullah dan dalil-dalil yang lain sebelum mereka mengeluarkan hukum-hakam yang diperah daripada dalil-dalil tersebut.

   Oleh itu tindakan mana-mana individu yang mendakwa bahawa: "*apabila seseorang itu ingin mempelajari hukum-hakam, ia perlu mengikut sunnah Rasulullah dengan cara merujuk terus hadith-hadith Rasulullah*", tindakan ini adalah salah kerana kitab hadith bukanlah kitab untuk mencari hukum bagi pihak muqallid.

   Golongan pakar dalam ilmu Islam sahaja (mujtahid) yang berhak untuk mengkaji hadith Rasulullah dan dalil-dalil yang lain kerana selalunya berlaku percanggahan antara satu dalil dengan satu dalil yang lain secara zahirnya yang memerlukan akal dan ilmu-ilmu Islam yang cukup tajam dalam menyelesaikan percanggahan ini.

4. Tidak perlu bagi mana-mana individu untuk mencari kebenaran yang pada hakikatnya hanyalah satu pandangan sahaja di sisi Allah apabila berlaku perbezaan pandangan fuqaha.

   Maksudnya: mana-mana individu yang ingin menghalang orang lain daripada menerima pandangan lain yang bercanggah dengan pandangan yang ia rasakan bahawa itulah satu-

satunya pandangan yang betul di sisi Allah, tindakan individu itu adalah salah. Ini kerana apabila sesuatu masalah berlaku di dalamnya perbezaan pandangan di kalangan golongan mujtahidin dalam meletakkan hukum, maka sekalipun kita berpegang dengan pandangan yang salah di sisi Allah, kita tetap tidak akan berdosa. Lagipun kita tidak mampu untuk meyakini seratus peratus bahawa pandangan yang kita pegang adalah pandangan yang betul di sisi Allah!

5. Apabila kita menemui pandangan seseorang mujtahid itu adalah bersandarkan hadith yang dhaif (lemah), adalah menjadi satu kesalahan untuk kita haramkan manusia seluruhnya bepegang dengan pandangan si mujtahid tadi hanya semata-mata pandangan tersebut bersandarkan hadith dhaif.

   Kadang-kadang seseorang fuqaha mempamirkan hadith dhaif di dalam kitabnya kepada para pembaca kerana zahir hadith tersebut lebih mudah untuk difahami (*Qat`iyyat al-Dilalah*) berbanding dengan hadith sahih yang dipegangnya yang maknanya agak samar-samar (*Zonniyyat al-Dilalah*).

   Kadang-kadang para ulama sendiri berbeza pandangan terhadap satu-satu hadith. Kadang-kadang hadith yang sama dihukum oleh sebahagian ulama dengan hadith dhaif sedangkan sebahagian ulama mengatakan bahawa hadith tersebut adalah kuat (sama ada sahih atau hasan).

   Oleh itu, seseorang muqallid hanyalah diminta untuk mengikut pandangan mana-mana mujtahid tanpa perlu mengambil kira sama ada dalil yang digunakan oleh si mujtahid itu kuat atau lemah.

6. Saya meminta orang ramai agar tidak terpengaruh dengan fahaman yang cuba untuk membid`ahkan beberapa perkara cabang yang merupakan titik perbezaan pandangan para ulama Islam di dalam menentukan hukum perkara tersebut.

   Orang ramai tidak perlu untuk membuang masa dengan membuat perbincangan terhadap hukum-hukum feqh yang berlaku perbezaan pandangan di kalangan para ilmuan Islam *(masalah khilafiyyah)* bahkan sepatutnya kita lebih mengutamakan perbincangan-perbincangan yang lebih utama yang akan membawa ke arah menyelamatkan Malaysia

daripada jenayah murtad, maksiat, keruntuhan akhlak di kalangan remaja dan seribu satu masalah yang lain yang ditaja semata-mata untuk menjauhkan masyarakat daripada kembali mendaulatkan agama Allah Taala.

والله أسأل وبنبيِّه أتوسّلُ أنْ يَقبل هذه الرسالة المتواضعة وأن يجعلها شفيعة لي يوم القيامة

❋❋❋

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

والحمد لله رب العالمين

Disediakan oleh:

Hairul Nizam bin Mat Husain,
9 November 2009,

Hayyu Asyir, Madinat Nasr,
Kaherah.